

21/04/2003

Pelaksanaan 100 projek RM12 bilion ditangguh

Jamaludin Husin

MUAR: Kementerian Kerja Raya menangguhkan pelaksanaan lebih 100 projek bernilai RM12 bilion yang diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-

8) berikutan ketidaktentuan keadaan ekonomi dunia kini.

Menterinya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata projek itu adalah sebahagian projek bernilai RM26 bilion dalam RM-8 dan sebahagian besarnya

membabitkan pembinaan jalan raya, bangunan jabatan serta agensi kerajaan.

Bagaimanapun, katanya, kementerian sedang mengadakan rundingan dengan Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bagi mendapatkan kebenaran supaya projek untuk kepentingan rakyat diteruskan.

Katanya, projek itu termasuk pembinaan jalan baru dan menaik taraf jalan

yang berisiko tinggi menyebabkan kesesakan lalu lintas.

"Senarai projek penting yang perlu dilaksanakan itu juga sudah dihantar

kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapatkan pertimbangan sewajarnya.

"Walaupun pembinaan jalan raya penting terutama projek membina semula jalan baru dan meningkatkan taraf jalan sedia ada, tetapi pelaksanaannya terpaksa menunggu arahan lanjut kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MIC Johor di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain, Samy Vellu berkata, MIC sudah mengemukakan Pelan Tindakan 10 Tahun kepada Perdana Menteri untuk membina semula sekurang-kurangnya 20 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) setiap tahun di seluruh negara mulai 2002.

Katanya, di Johor tiga SJKT dibina tahun lalu, iaitu di Jalan Haji Manan, Kluang; Ladang Tong Hin, Pasir Gudang dan Palanippa, Pagoh.

"Dua lagi SJKT yang akan dibina tahun ini ialah di Ulu Tiram dan Kangkar

Pulai di Johor Bahru.

"Pembinaan semula SJKT membuktikan komitmen MIC untuk terus mengekal dan

meningkatkan martabat pendidikan SJKT dengan menyediakan kemudahan pembelajaran secukupnya di peringkat rendah kepada kanak-kanak India," katanya.

Beliau juga mengumumkan kutipan derma untuk pembinaan projek Institut Teknologi Perubatan Asian (ITPA) daripada 427 cawangan MIC di negeri ini,

menerima RM2.3 juta lagi termasuk kira-kira RM500,000 sumbangan perwakilan

sempena konvensyen itu.

Katanya, projek kendalian MIC yang dalam pembinaan di Kedah itu menelan

belanja kira-kira RM495 juta dan derma yang terkumpul setakat ini berjumlah RM405 juta.

Beliau berharap cawangan MIC di seluruh negara meningkatkan lagi

kutipan

untuk menampung kekurangan RM90 juta bagi merealisasikan pembinaan projek berkenaan.

Mengenai konvensyen itu, beliau berkata, perwakilan meluluskan beberapa resolusi termasuk menyerahkan kepada kepimpinan MIC untuk mendapatkan kerusi tambahan di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum akan datang.

"MIC tidak menentukan jumlah kerusi yang diminta berikutan persempadanan semula kawasan Parlimen dan DUN. Ia terpulang kepada keputusan Dr Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN) untuk menentukannya," katanya.